

TERMA DAN SYARAT
KEMPEN 'APPLY SUPPLEMENTARY CARD AND GET RM50 CASHBACK'
BAGI PERMOHONAN BAHARU KAD KREDIT-i TAMBAHAN BANK RAKYAT.

❖ **A. SYARAT KELAYAKAN**

1. Kempen ini terbuka kepada pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat **BAHARU ATAU SEDIA ADA** (termasuk wargakerja Bank Rakyat) yang membuat permohonan kad tambahan baharu.
2. Untuk menyertai kempen ini:
 - a) Pemegang Utama Kad Kredit-i Bank Rakyat yang **BAHARU** dikehendaki memohon sekurang-kurangnya satu (1) daripada Kad Kredit-i Bank Rakyat bersama dengan kad tambahan; atau
 - b) Pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat **SEDIA ADA** dikehendaki memohon sekurang-kurangnya satu (1) kad tambahan yang layak.
3. Pemegang Utama Kad Kredit-i Bank Rakyat mesti memohon kad tambahan yang layak menerusi boring permohonan Kad kredit-i Bank Rakyat.
4. Setiap pemegang kad utama **LAYAK** untuk memohon maksimum lima kad tambahan.
5. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk pada Terma dan Syarat Kad Kredit-i Bank Rakyat.

❖ **B. TEMPOH KEMPEN**

1. Kempen bermula pada 9 Januari 2023 dan berakhir sehingga permohonan kad tambahan 1,000 yang pertama diluluskan.

❖ **C. MEKANISME PENYERTAAN DAN GANJARAN**

1. Pemegang Utama Kad Kredit-i Bank Rakyat perlu memohon kad tambahan melalui mana-mana saluran permohonan yang disediakan.
2. Rebat tunai akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang Utama Kad Kredit-i Bank Rakyat.
3. SMS akan dihantar kepada pemegang kad utama sebaik sahaja rebat tunai RM50 berjaya dikreditkan ke dalam akaun.
4. Agihan jumlah rebat tunai terhad kepada **1,000 kad tambahan baharu yang diluluskan** berdasarkan asas '*siapa cepat dia dapat*'.

5. Rebat tunai yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kelayakan	Jumlah Rebat Tunai Diperuntukkan	Nilai Rebat Tunai (RM)
Kad Tambahan Baharu	1,000	50

6. Rebat tunai tidak boleh ditukar dalam bentuk tunai atau ganjaran lain selain daripada yang telah ditentukan oleh Bank Rakyat.
7. Bank Rakyat boleh menggantikan rebat tunai (jika perlu) dengan ganjaran lain yang mempunyai nilai yang sama, dengan memberi notis terlebih dahulu menerusi laman sesawang korporat Bank Rakyat atau lain-lain saluran komunikasi yang difikirkan sesuai.

❖ **D. TERMA DAN SYARAT UMUM**

1. Dengan menyertai kempen ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
2. Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak dan menyiarkan nama dan gambar peserta untuk tujuan promosi di akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat atau mana-mana saluran yang difikirkan sesuai oleh Bank Rakyat.
3. Bank Rakyat atau warga kerja dan wakilnya (termasuk mana-mana pihak yang dilantik oleh Bank Rakyat untuk memberi perkhidmatan tertentu berkaitan kempen ini) tidak akan bertanggungjawab, secara langsung atau tidak terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kemungkiran yang dialami oleh peserta, disebabkan oleh penyertaan mereka dalam kempen ini atau daripada sebarang tindakan oleh Bank Rakyat.
4. Dengan menyertai kempen ini, peserta bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat, yang boleh dilihat di www.bankrakyat.com.my. Pemegang kad bersetuju dan membenarkan Bank Rakyat untuk mendedahkan maklumat peserta kepada mana-mana wakil yang dilantik oleh Bank Rakyat untuk tujuan kempen ini.
5. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau mana-mana medium komunikasi.
6. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau apa-apa situasi di luar kemampuan Bank Rakyat.

7. Bank Rakyat boleh menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat.
8. **PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PESERTA UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TELADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PESERTA TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
9. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman web Bank Rakyat atau medium komunikasi yang bersesuaian. Sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh selepas notis tersebut dikeluarkan. Peserta adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan atau penambahan tersebut.
10. Terma dan syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
11. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454; atau hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-26936880; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my.